



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENGAMBILALIHAN DEWAN OLEH DBKL KENYATAAN MEDIA OLEH YB DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD SALLEH TIMBALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN 28 MAC 2019

Dewan orang ramai atau dewan masyarakat merupakan alat perhubungan pelbagai lapisan masyarakat menjalin dan menjaga hubungan dengan melakukan pelbagai aktiviti sihat seperti program kebudayaan, sosial, sukan dan keagamaan.

Berdasarkan statistik, jumlah keseluruhan dewan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah berjumlah 324 unit dewan di mana 129 unit adalah di bawah kawalan terus jabatan DBKL yang terdiri dari dewan komuniti, kompleks sukan dan stadium.

Manakala baki 195 unit dewan adalah dibina dengan bantuan kerajaan menerusi ICU dan DBKL di atas tanah bermilik yang telah dikenalpasti 140 tanah kerajaan/DBKL dan 55 atas tanah persendirian. Dewan-dewan ini diurus dan diselenggara oleh Persatuan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dengan mengenakan sewaan berdasarkan permohonan.

Walau bagaimana pun, 140 unit dewan atas tanah milik kerajaan/DBKL ini perlu menyelaraskan semula pengurusan serta melakukan pemeriksaan struktur bangunan kerana pembinaannya sebelum ini sudah lama dan perlu disemak semula.

Bagi maksud pengambilalihan, Notis secara pentadbiran telah dikeluarkan bermula pada Disember 2018 sehingga 25 Februari 2019. Sesi “engagement” bersama penyelia/pengurus dewan turut dilaksanakan bagi menerangkan tujuan pengambilalihan.

Sebanyak 140 notis secara pentadbiran telah dikeluarkan dan setakat ini hanya 69 pengurusan dewan tampil bersetuju menyerahkan dewan kepada DBKL. Manakala baki 71 dewan yang belum memberikan persetujuan, akan disusuli supaya membuat serahan sebelum tindakan penguatkuasaan diambil.